LEMBAGA ZAKAT SELANGOR
MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR

30 TAHUN

# JALINAN HARAPAN, MEMBANGUN KEHIDUPAN




laporanlzs.zakatselangor.com.my

# Hasil Amanah, Impak Berpanjangan

**RM 1.22 billion**
Jumlah Kutipan Zakat 2024

**RM 1.19 billion**
Jumlah Agihan Zakat 2024

**380,000+**
Jumlah Muzakki

Tahun 2024 melakar sejarah penting buat Lembaga Zakat Selangor (LZS) apabila genap 30 tahun penubuhannya. Bertemakan "Jalinan Harapan, Membangun Kehidupan", laporan ini menghimpunkan data prestasi kutipan dan agihan zakat sepanjang tahun, serta pencapaian strategik dalam usaha memperkukuh sistem pengurusan zakat yang telus dan efisien.

Laporan ini juga menjadi cerminan perjalanan tiga dekad LZS dalam menyantuni ummah, membuktikan bahawa kesatuan dan amanah umat Islam mampu membawa perubahan besar dalam kehidupan masyarakat. Semoga laporan ini terus menyemarakkan semangat untuk berkongsi dan memberi, demi kesejahteraan bersama.

# Daripada Amanah, Tercetus Perubahan

Setiap teras pembangunan Asnaf disusun bagi memastikan zakat bukan hanya meringankan beban sementara, tetapi menjadi pemangkin perubahan hidup yang berpanjangan.



Pembangunan Sosial

**RM 780 juta**




Pembangunan Pendidikan

**RM 194 juta**



Pembangunan Institusi Agama

**RM 26 juta**



Pembangunan Ekonomi

**RM 14 juta**



Pembangunan Insan

**RM 24 juta**




# 30 Tahun Memacu Amanah, Menyantuni Ummah

Sejak penubuhannya pada tahun 1994, LZS komited dalam memartabatkan sistem zakat sebagai instrumen pembangunan ummah. Melalui pendekatan yang strategik dan berlandaskan syariah, LZS telah berkembang menjadi sebuah institusi yang diyakini masyarakat – bukan sekadar mengurus kutipan dan agihan, tetapi juga menjadi pemangkin kepada perubahan sosial dan ekonomi.

Kos Pengurusan Amil

**RM148 juta**

Jumlah Warga LZS

**600+**



# Agihan Berfokus, Impak Menyeluruh

Lembaga Zakat Selangor (LZS) terus menunaikan amanah dengan menyalurkan zakat secara telus dan berfokus kepada lapan asnaf yang layak. Tahun 2024 menyaksikan agihan zakat dimanfaatkan dalam pelbagai bentuk bantuan, merangkumi keperluan asas, pendidikan, kesihatan, perumahan dan pemerkasaan ekonomi. Setiap agihan bukan sekadar bantuan kewangan, tetapi lambang kepercayaan dan syukur yang diterjemah dalam bentuk tindakan.

**Jumlah Asnaf**
Fakir & Miskin
**77,800 +**
keluarga asnaf

**Jumlah Asnaf**
keluar dari kemiskinan
**5,000 +**
keluarga asnaf

**Program Agihan**
Terbesar
**RM780 juta**
Pembangunan Sosial

**Penerima Zakat**
Terbesar
**RM707 juta**
fakir & miskin

# Zakat Disampaikan Kepada Yang Hak



| Fakir | Miskin | Mualaf |
|---|---|---|
| **RM 276.63 juta** | **RM 431.03 juta** | **RM 50.33 juta** |

| Riqab | Gharimin | Fisabilillah |
|---|---|---|
| **RM 25.86 juta** | **RM 91.07 juta** | **RM 163.78 juta** |

| Ibnu Sabil | Amil |
|---|---|
| **RM 152 ribu** | **RM 148.73 juta** |

# Menghimpun Keberkatan, Menyubur Kebaikan

Kutipan zakat merupakan nadi utama kepada pengurusan dan pengagihan bantuan oleh Lembaga Zakat Selangor (LZS). Tahun 2024 memperlihatkan komitmen berterusan daripada umat Islam di Selangor dalam menunaikan kewajipan zakat dengan penuh rasa tanggungjawab dan syukur. Kepercayaan yang diberikan menjadi pemangkin kepada sistem kutipan yang lebih efisien, telus dan inklusif, menjadikan setiap sen yang disumbang sebagai langkah pertama menuju perubahan dan keberkatan yang meluas.



**Jumlah Pembayar Zakat**
380,893
Muzakki

**Kutipan Zakat Terbesar**
Zakat Pendapatan
RM712.3 Juta

**Saluran Pembayaran Terbesar**
Potongan Gaji dan Korporat
RM546.7 Juta

## Saluran Kutipan Pertumbuhan Tertinggi

**Cawangan**
Zakat Harta
380,893

**Potongan Gaji dan Korporat**
Zakat Harta
RM546.8 Juta

**Ejen Kutipan Zakat**
LZS
RM432.3 Juta

# Satu Ibadah, Pelbagai Saluran

| Pendapatan | Perniagaan | Simpanan |
| --- | --- | --- |
| **RM 712.39 juta** | **RM 199.15 juta** | **RM129.9 juta** |

| Harta | Fitrah | KWSP |
| --- | --- | --- |
| **RM 70.15 juta** | **RM 40.96 juta** | **RM 32.66 juta** |

| Saham | Emas | Perak |
| --- | --- | --- |
| **RM 22.28 juta** | **RM 9.28 juta** | **RM 0.13 juta** |

| Tanaman | Ternakan |
| --- | --- |
| **RM 1.17 juta** | **RM 0.03 juta** |

# Kerjasama Strategik



Lembaga Zakat Selangor (LZS) terus menunaikan amanah dengan menyalurkan zakat secara telus dan berfokus kepada lapan asnaf yang layak. Tahun 2024 menyaksikan agihan zakat dimanfaatkan dalam pelbagai bentuk bantuan, merangkumi keperluan asas, pendidikan, kesihatan, perumahan dan pemerkasaan ekonomi. Setiap agihan bukan sekadar bantuan kewangan, tetapi lambang kepercayaan dan syukur yang diterjemah dalam bentuk tindakan.

ADAB YOUTH GARAGE (AYG)

AMANAH RAYA BERHAD

KEMENTERIAN BELIA & SUKAN

MALAYSIA FOUR WHEEL DRIVE ASSOCIATION

MEGA KLINIK ZAHRAN

Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA)

PEJABAT AGAMA ISLAM DAERAH KLANG

MSU UNIVERSITI

JABATAN KERJA RAYA KLANG

MAJLIS BANDARAYA DIRAJA KLANG

THE LOST FOOD PROJECT (TLFP)

AGENSI KAUNSELING DAN PENGURUSAN KREDIT

YAYASAN DIGITAL MALAYSIA

UOA ACADEMY

MALAYSIA PRODUCTIVITY CORPORATION

AKADEMI BINAAN MALAYSIA

MAJLIS AMANAH RAKYAT

PROTÉGÉ - KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI (KUSKOP)

MAJLIS TVET NEGARA

# Creating Shared Value (CSV)

Lembaga Zakat Selangor menerapkan prinsip Creating Shared Value (CSV) dengan menggabungkan matlamat sosial dan kerjasama strategik bersama rakan industri. Melalui pendekatan ini, LZS memperluas impak zakat dengan mencipta inisiatif yang memberi nilai bersama, bukan sahaja kepada asnaf, tetapi juga kepada rakan sinergi dan masyarakat secara menyeluruh.

PROJECT WASHROOM



# CAS Project: Clean, Accessible & Sustainable

***Kemudahan Asas, Kualiti Hidup Sejahtera***



Projek Clean, Accessible & Sustainable (CAS) merupakan inisiatif di bawah program Creating Shared Value (CSV) Lembaga Zakat Selangor yang menumpukan kepada peningkatan kemudahan asas bagi komuniti luar bandar. Pada tahun 2024, LZS telah membina tujuh unit tandas lengkap beserta bilik air dua pintu di Kampung Orang Asli Songkok, Batang Kali, Hulu Selangor, demi menjamin hak kepada sanitasi bersih dan akses air yang selamat.

# Objektif Projek

| Meningkatkan tahap sanitasi dan kebersihan kawasan. | Memberi akses kepada kemudahan tandas dan air bersih. | Menyokong kelestarian alam sekitar melalui reka bentuk mesra alam. | Menyumbang kepada kesejahteraan komuniti melalui pembangunan infrastruktur asas. |
|---|---|---|---|

Projek ini telah berjaya membina 14 kemudahan asas di tujuh (7) lokasi di Kampung Orang Asli Songkok, Batang Kali, Hulu Selangor, memanfaatkan lebih 100 penduduk daripada 30 keluarga. Pembinaan kemudahan ini bukan sahaja memenuhi keperluan sanitasi yang lebih bersih dan selesa tetapi juga menjamin kesejahteraan dan kesihatan masyarakat.



# Elemen Kemampanan



**Sistem Lampu Solar LED**

Menggunakan tenaga suria sepenuhnya melalui sistem automatik bagi mengurangkan kebergantungan kepada elektrik konvensional.



**Pencahayaan Semula Jadi**

Menggunakan tenaga suria sepenuhnya melalui sistem automatik bagi mengurangkan kebergantungan kepada elektrik konvensional.



**Akses kepada Air Bersih**

Menggunakan tenaga suria sepenuhnya melalui sistem automatik bagi mengurangkan kebergantungan kepada elektrik konvensional.



# Penyata Kutipan dan Agihan Zakat

Kutipan dan agihan zakat sepanjang tahun 2024 mencerminkan kekuatan solidariti ummah dan kepercayaan yang terus mengalir kepada Lembaga Zakat Selangor (LZS). Setiap jumlah yang diterima bukan sekadar angka, tetapi amanah yang telah disempurnakan dengan penuh tanggungjawab melalui agihan menyeluruh kepada asnaf yang memerlukan.

Muat turun penyata lengkap dalam bentuk PDF:

**MUAT TURUN**

# Kemudahan Pembayaran Zakat

Dalam usaha memudahkan umat Islam menunaikan kewajipan zakat, Lembaga Zakat Selangor (LZS) terus memperluas dan mempertingkatkan saluran pembayaran yang mudah, pantas dan selamat.

Dengan gabungan teknologi digital dan jaringan fizikal yang meluas, pembayaran zakat kini boleh dilakukan pada bila-bila masa dan di mana jua — sama ada melalui portal dalam talian, aplikasi mudah alih, e-dompet, perbankan internet, kaunter LZS, ejen kutipan, kiosk layan diri, atau perkhidmatan turun padang. Segala kemudahan ini dibina berasaskan prinsip mesra pembayar, demi memastikan setiap niat untuk berzakat dapat dilunaskan dengan tenang dan yakin.

**CAWANGAN/KAUNTER**

- Semua Cawangan LZS negeri Selangor
- Kaunter bergerak (Zakat On Wheels)
- Perunding Zakat

**KHIDMAT PEMBAYARAN**

- https://fpx.zakatselangor.com.my
- Direct Debit

**KIRIMAN POS**

- Cek/Kiriman Wang/Draf Bank/Wang Pos

**KAD DEBIT DAN KAD KREDIT ISLAMIK**

- Di semua cawangan LZS (MAIS) seluruh negeri Selangor
- Kad Debit MEPS
- Mobile Apps Perunding Zakat

**MESIN ATM**

- BIMB
- Public Bank
- OCBC Bank

**MOBILE BANKING**

- Maybank – Phone Banking (Dail 1300-88-6688)
- i-TAP (Bank Islam)
- Mobile Apps Zakat Selangor

**ZAKAT FITRAH**

- Penolong Amil Fitrah
- https://fpx.zakatselangor.com.my

**PADI**

- Penolong Amil Padi

# Cawangan LZS

Lembaga Zakat Selangor (LZS) mempunyai 19 cawangan di seluruh negeri Selangor bagi memastikan perkhidmatan kutipan dan agihan zakat dapat dilaksanakan dengan lebih efisien dan menyeluruh. Setiap cawangan dilengkapi dengan kakitangan terlatih yang bersedia untuk membantu dan memberi panduan kepada pembayar zakat serta penerima zakat.

Dengan komitmen untuk memberikan perkhidmatan terbaik, LZS menyediakan kemudahan untuk menunaikan kewajipan zakat dan mendapatkan maklumat serta bantuan yang diperlukan.

### Ibu Pejabat

Lembaga Zakat Selangor (MAIS)
Menara Zakat Sultan Idris Shah,
No. 1, Persiaran Bandar Raya, Seksyen 14,
40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.

### Cawangan Alami

Bangunan Zakat Selangor
3-01-1 Presint ALAMi,
Pusat Perniagaan Worldwide 2,
Persiaran Akuatik Seksyen 13,
40100 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.

### Cawangan Masjid Negeri

Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah,
Tingkat Bawah Persiaran Masjid,
40000 Shah Alam,
Selangor Darul Ehsan.

### Cawangan Kompleks UTC Shah Alam

Lot G-8A, Kompleks UTC
Selangor@Anggerik Mall,
No. 5, Jalan 14/8, Seksyen 14,
40000 Bandaraya Shah Alam,
Selangor Darul Ehsan.

### Cawangan Damansara

Masjid Mujahideen SS 21/23
Damansara Utama, 46300
Petaling Jaya,
Selangor Darul Ehsan.

### Cawangan Subang Jaya

Masjid Darul Ehsan Subang Jaya,
Jalan SS15/2E,
47500 Subang Jaya, Selangor Darul Ehsan.

### Cawangan Puchong

No. 32, Jalan Puteri 4/2,
Bandar Puteri, 47100 Puchong,
Selangor Darul Ehsan.

### Cawangan Masjid Kota Damansara

Jalan Sepah Puteri 5/21,
Kota Damansara,
47810 Petaling Jaya,
Selangor Darul Ehsan.

### Cawangan Kompleks MAIS Klang

Lot 336G, Jalan Meru Off Jln Kapar,
41050 Klang,
Selangor Darul Ehsan.

### Cawangan Kuala Selangor

No. 4, Jalan Melati 3/19,
Bandar Malawati,
45000 Kuala Selangor,
Selangor Darul Ehsan.

### Cawangan Kuala Kubu Bharu

Tingkat Bawah Bangunan Hj Khalid,
Lot 16 Seksyen 7 Jalan Mat Kilau,
44000 Kuala Kubu Bharu,
Selangor Darul Ehsan.

### Cawangan Sungai Besar

No. 6 & 7, PT 5607 & 5608,
Jalan Gemilang 1, Taman Gemilang,
45300 Sungai Besar,
Selangor Darul Ehsan.

### Cawangan Kajang

G-08 & 1-08, Jalan Reko,
Saville Kajang, 43000 Kajang,
Selangor Darul Ehsan.

### Cawangan Banting

No.19, Jalan Sri Pekan 5,
Medan Sri Pekan,
42700 Banting,
Selangor Darul Ehsan.

### Cawangan Bandar Baru Bangi

No.163A Jalan 8/1, Seksyen 8,
43650 Bandar Baru Bangi,
Selangor Darul Ehsan.

### Cawangan Taman Melawati

Unit 340 A, Melawati Square,
Lorong Sarawak, Taman Melawati,
53100 Gombak, Kuala Lumpur,
Selangor Darul Ehsan.

### Cawangan Bandar Baru Selayang

No. 17, Jalan 2/16,
Dataran Templer,
Bandar Baru Selayang,
68100 Batu Caves,
Selangor Darul Ehsan.

### Cawangan Bandar Baru Ampang

No.1A, Jalan Wawasan 4/6,
Bandar Baru Ampang,
68000 Ampang,
Selangor Darul Ehsan.

### Cawangan Saujana KLIA

No. 38 & 40, Jalan Saujana KLIA,
Taman Saujana KLIA,
43900 Sepang,
Selangor Darul Ehsan.

LEMBAGA
ZAKAT SELANGOR
MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR